

Guru dituduh menghina sistem kehakiman

BH 9 AUG 2001
Oleh Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Rabu -- Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela Segara, Marang, Shamsukamal Abu Bakar hari ini dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini kerana menyediakan soalan peperiksaan kepada pelajarannya yang dianggap menghina sistem kehakiman negara.

Ketika pertuduhan dibacakan, Shamsukamal, 33, dari Kampung Ladang Tok Pelam, di sini, ti-

dak mengaku bersalah terhadap tuduhan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Hasutan 1948 (Akta 15).

Berikutan itu, Hakim Mahkamah Sesyen, Ahmad Zaidi Ibrahim, menetapkan perbicaraan kes pada 1 hingga 4 Oktober ini.

Sementara menunggu kes itu dibicarakan, Shamsukamal dikenakan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin.

Shamsukamal dituduh menyediakan soalan peperiksaan Ba-

hasa Melayu untuk pelajar tingkatan dua sekolah itu pada September tahun lalu.

Soalan yang disediakan itu berbunyi: 'Anda telah terpilih untuk menyertai satu pertandingan syarahan yang bertajuk Keadilan Semakin Hilang dan Tandus Dalam Sistem Kehakiman di Malaysia. Sediakan syarahan tersebut.'

Tindakan Shamsukamal dianggap bersalah mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Hasutan 1948

(Akta 15) kerana soalan itu mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap sistem kehakiman negara ini.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Yaacob Chik bertindak sebagai Timbalan Pendakwa Raya kes itu, manakala tertuduh dibela peguam Zamani Mohamad.

- Gambar di muka 8

Guru ajar politik antara punca pelajar lemah

DARI MUKA 1

bahawa pelajar universiti yang terbabit dengan kegiatan lain sehingga menjejaskan prestasi pelajaran mereka, akan diberhentikan.

Katanya, antara punca pencapaian buruk pelajar Melayu ialah ada guru yang ditugaskan untuk memberi didikan akhlak seperti guru agama, tidak mengajar agama sebaliknya mengajar politik untuk membenci dan maki hamun.

"Keadaan itu menyebabkan pelajar tidak faham tentang agama dan mudah terpengaruh dengan ajaran karut seperti menyembah syaitan dan kegiatan negatif yang lain.

"Kerajaan sedang mengkaji tindakan yang sesuai terhadap guru agama terbabit," katanya.

Berikut adalah petikan soal jawab di antara wartawan dan Dr Mahathir dalam sidang akhbar itu.

Wartawan: Adakah dasar ini bermakna berlaku kompromi kepada sistem kuota?

Dr Mahathir: Ya, sudah

tentu. Kalau anda nak hendak semua...anda mahukan kek dan makannya sekaligus, tidak mungkin. Kita sudah cuba.

Wartawan: Bagaimana dengan kenaikan gred masuk universiti (berdasarkan prinsip merit), sama ada bermula di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysian (STPM)?

Mahathir: Daripada awal lagi, tetapi kalau nak masuk universiti, dia kenalah SPM atau STPM. Jadi dia kena **sekarang** ini, balik belajar. Kalau main, sorry, tahun depan tak dapat masuk.

Wartawan: Adakah ke-masukan ke universiti ini, akan terus menggunakan sistem matrikulasi jika sistem meritokrasi dilaksana?

Dr Mahathir: Ya, itupun satu cara nak masukkan mereka... tapi kalau pergi kelas matrikulasi, kalau dia tak belajar, dia tak boleh lulus juga. Kita bagi macam-macam saluran supaya dia masuk, bukan kita nak tutup saluran, kita nak prestasi mereka meningkat.